

## TERMA DAN SYARAT

### PERADUAN FUNANCIAL DAY BERSAMA AGROBANK

#### A. Maklumat Peraduan

1. Peraduan foto atau video dan melengkapkan kapsyen di media sosial sempena FUNancial Day 2025 ini adalah inisiatif Agrobank.
2. Peraduan ini dianjurkan secara dalam talian melalui media sosial **Facebook** dan **TikTok** Agrobank. Peserta yang bermingat untuk menyertai Peraduan ini perlu mengambil **foto atau video** ketika berada di mana-mana lokasi FUNancial Day 2025 Agrobank berlangsung dan muat naik di media sosial Facebook atau TikTok dengan **melengkapkan kapsyen yang diberi** serta menggunakan hashtag **#Agrobank** dan **#FUNancialDayAgrobank**.

#### B. Tarikh Dan Tempoh Peraduan

1. Peraduan ini akan bermula pada **24 Jun sehingga 27 Jun 2025**.
2. Agrobank berhak menukar atau memindah tarikh dan tempoh peraduan (sekiranya perlu).
3. Pemenang peraduan ini dijangka akan diumumkan pada **Julai 2025**.

#### C. Terma Dan Syarat Peraduan

1. Setiap peserta hanya dibenarkan untuk menyatakan satu (1) penyertaan di media sosial Facebook atau TikTok. Sekiranya peserta menyatakan penyertaan di kedua-dua platform, hanya penyertaan yang mendapat jumlah '*like*' tertinggi yang akan diambil kira.
2. Setiap peserta **perlu melaksanakan perkara berikut** untuk menyertai Peraduan ini:
  - 2.1 '**Like**' dan '**Share**' post ini.
  - 2.2 '**Follow**' akaun rasmi Agrobank di **Facebook (@Agrobank)** atau **TikTok (AgrobankTV)** mengikut platform penyertaan.
  - 2.3 Kunjungi cawangan Agrobank terlibat semasa FUNancial Day Agrobank 2025 berlangsung (24 hingga 25 Jun 2025) dan tangkap **gambar** atau ambil **video** yang tertera perkataan "**FUNancial Day**".
  - 2.4 Muatnaik di laman **Facebook** atau **TikTok** dengan **melengkapkan kapsyen yang diberi** dan menggunakan hashtag **#Agrobank** dan **#FUNancialDayAgrobank**.
  - 2.5 Tag tiga (3) rakan di ruangan kapsyen.
  - 2.6 **Kod Pemakaian dan Kapsyen:**
    - i. Kod Pemakaian dan kapsyen yang mematuhi syariah (bagi yang beragama Islam);
    - ii. Berpakaian sopan (longgar/tidak ketat sehingga menampakkan susuk tubuh badan) serta kapsyen yang tidak menyentuh sebarang sensitiviti kaum dan agama.

**2.7 Cara muat naik foto atau video yang diambil:**

- i. Sila muat naik atau paparkan foto atau video di media sosial Facebook atau TikTok (**berstatus umum/public**) dan
- ii. **Wajib** meletakkan kedua-dua hashtag#:  
**#Agrobank** dan **#FUNancialDayAgrobank**

**D. Hadiah**

1. Agrobank akan memilih pemenang daripada peserta yang memenuhi Terma dan Syarat Peraduan ini.
  - i. **Hadiyah Utama:** 3 pemenang di Facebook atau TikTok
  - ii. **Hadiyah Saguhati:** 10 pemenang di Facebook atau TikTok
2. Tawaran hadiah adalah seperti mana berikut:
  - i. **3 pemenang utama** akan menerima baucar Decathlon bernilai RM500 (tempat pertama), RM300 (tempat kedua) dan RM200 (tempat ketiga) serta *tumbler* edisi terhad Agrobank x Montigo.
  - ii. **10 pemenang saguhati** akan menerima baucar Decathlon bernilai RM50 serta barang eksklusif Agrobank.
3. Agrobank berhak untuk menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang sama nilainya (sekiranya perlu). Sebarang perubahan hadiah, akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada pemenang.
4. Wakil tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan hadiah bagi pihak pemenang dan hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.

**E. Pemilihan Pemenang**

1. Penentuan pemenang adalah ditetapkan oleh Agrobank berdasarkan kepada penyertaan foto atau video di Facebook atau TikTok berserta kapsyen yang telah dilengkapkan dan menggunakan **#Agrobank** dan **#FUNancialDayAgrobank** serta **mematuhi terma dan syarat peraduan.**
2. Pemenang akan dihubungi melalui semua laman media sosial rasmi Agrobank dan perlu membawa kad pengenalan semasa penebusan hadiah. Wakil tidak dibenarkan untuk proses penebusan. **Kempen ini hanya terbuka kepada warganegara sahaja.**
3. Agrobank **TIDAK** akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi dan/atau gagal menghubungi kembali Agrobank bagi urusan tuntutan hadiah di dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman dibuat.
4. Agrobank berhak memilih pemenang yang layak daripada senarai menunggu atau simpanan sekiranya pemenang yang telah dipilih tidak dapat dihubungi di dalam masa empat belas (14) hari bekerja selepas pengumuman di laman web dan media sosial Agrobank, enggan menerima hadiah, atau atas sebab-sebab munasabah lain yang membolehkan Agrobank memilih pemenang lain dari senarai menunggu

5. Semua keputusan nama pemenang adalah muktamad. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.

#### F. Lain-Lain

1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Agrobank dibenarkan untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar peserta untuk tujuan promosi di dalam akhbar, majalah, laman web Agrobank, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Agrobank berhak menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini, penyertaan yang tidak lengkap dan/atau penyertaan yang lewat dari tarikh yang dinyatakan. Peraduan ini **tidak terbuka** kepada warga kerja Agrobank.
4. Agrobank berhak untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan Terma dan Syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Peraduan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlaknya. Apa-apa perubahan pada peraduan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Agrobank dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum apa-apa perubahan dibuat, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web Agrobank atau platform media sosial Agrobank.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dengan ini bersetuju serta memberi kebenaran kepada pihak Agrobank, termasuk untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan Peraduan ini, dan tidak terhad bagi tujuan mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web Agrobank bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan). Peserta tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA Agrobank yang dipaparkan di laman web Agrobank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.

Nota: Peserta/pemenang adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Data Peribadi dan boleh menghubungi Agrobank bagi tujuan pengesahan berkenaan Peraduan ini.

- 
6. Untuk maklumat lanjut mengenai Peraduan ini, sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank di 1-300-88-2476 atau layari laman sesawang kami di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)
  7. Peraduan serta Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

<Tamat>

Disediakan oleh : Jabatan Pemasaran dan Komunikasi